

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: 18 Mei 2016 11:39
To: UUM - All Staff
Subject: LAWATAN DAN PERBINCANGAN PUSAT KOKURIKULUM UUM KE UNIVERSITI AWAM



Pusat Kokurikulum

CO-CURRICULUM CENTRE

Universiti Utara Malaysia



18 MEI 2016 / 11 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**LAWATAN DAN PERBINCANGAN PUSAT KOKURIKULUM UUM KE
UNIVERSITI AWAM**



PUSAT KOK ONLINE : Pusat Kokurikulum UUM telah mengadakan lawatan dan perbincangan ke beberapa universiti awam merangkumi USM, UPM, UKM dan UIAM pada tarikh 11 – 13 Mei 2016. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah bersama 28 staf pentadbiran dan Penyelaras Kokurikulum.

Tujuan lawatan ini adalah untuk berbincang dan berkongsi maklumat berkaitan pengajaran dan pembelajaran di samping mengenalpasti sistem pengurusan kokurikulum di universiti-universiti tersebut.

Antara isu yang dibincangkan adalah perihal pendaftaran kursus, pemilihan kursus, penilaian kursus, pemindahan kredit, aktiviti kokurikulum dan sumber kewangan.

Secara keseluruhannya lawatan tersebut telah berjaya mencapai matlamat dalam meningkatkan kesedaran dan memberi motivasi kepada semua staf untuk terus memantapkan lagi aktiviti pengurusan Pusat Kokurikulum UUM dengan lebih efisien dan efektif.

TAMAT.

DARIPADA:
PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9283501/3509/3510
FAX : 04-9283502
ko_k@uum.edu.my